

BAGAI DIULIT MIMPI

■ Jonathan teruja wakili negara ke Sukan Olimpik Rio



JONATHAN baru
kelak ke pemilihan
untuk suka-suka.

Rody Fady
sukan@hmetro.com.my

Bermula secara suka-suka, jaguh muda sukan menembak negara, Jonathan Wong Guanjie berasa seolah-olah bagaikan bermimpi apabila bakal beraksi di Sukan Olimpik Rio 2016 pada Ogos nanti.

Ketika mengikut kakaknya, Cornelia Wopg, menyertai ujian pemilihan Persatuan Menembak Negeri Melaka pada 2004, Jonathan tidak pernah terfikir dia akan terpilih, jauh sekali memasang impian mewakili Malaysia dalam sukan itu.

"Saya memang langsung tidak mempunyai asas dalam sukan itu. Malah menembak bukan sukan kegemaran saya berbanding badminton dan berbasikal. Tapi, saya mengikut kakak sekadar suka-suka.

"Ketika itu terfikir bagaimana rasanya memegang senjata api dan membuat tembakan. Bila sekali mencuba saya berasa seronok apatah lagi tembakan menepati sasaran.

"Jurulatih pula memuji menyatakan saya berbakat lalu mendaftarkan untuk kumpulan junior. Bermula dari situ, saya menjadikan menembak sebagai aktiviti saya.

"Namun pada ketika itu, saya masih menganggap sukan berkenaan sebagai hobi. Walaupun kemudiannya terpilih mewakili skuad SUKMA Melaka pada 2006, saya belum benar-benar serius dalam sukan ini.

"Bila terpilih ke Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) pada 2009, barulah sedar saya mempunyai potensi untuk pergi jauh dalam sukan menembak.

"Bila menang tiga pingat gangsa di Sukan SEA 2013 Myanmar serta terpilih menyertai skuad elit negara setahun selepas itu, saya bertambah yakin dengan kemam-

puan sendiri.

"Begitupun, saya tidak menduga dapat melayakkan diri ke Sukan Olimpik Rio kerana pencapaian di Sukan SEA 2015 Singapura hanya memenangi perak dan gangsa.

"Ia bagaikan cerita dongeng dan apabila mengetahui layak ke Olimpik, saya berasa seperti bermimpi," cerita Jonathan.

Penembak berusia 23 tahun itu layak selepas memenangi pingat emas acara 10m Air Pistol pada Kejohanan Kelayakan Olimpik Asia di India, Februari lalu.

Jonathan memang tidak menaruh harapan untuk membawa pulang pingat sebaliknya menganggap penyertaannya kelak sebagai pendedahan dan medan mencari pengalaman.

Namun, Jonathan berharap dapat memberi prestasi terbaik sekurang-kurangnya layak ke pusingan akhir seperti yang dilakukannya di Sukan Komanwel, Glasgow, Scotland, dua tahun lalu.

Bagaimanapun, Jonathan tetap tidak mengambil mudah penyertaan di Rio itu dengan membuat persiapan rapi untuk menghadapinya. Selain serius menjalani latihan di sini, dia turut menimba ilmu selama seminggu di Jerman, baru-baru ini dan akan ke Korea bulan depan.

Malah, atlet kelahiran Melaka itu turut mengorbankan pengajiannya dalam bidang kejuruteraan aero angkasa di Universiti Putera Malaysia (UPM) dengan hanya mengambil satu subjek supaya mempunyai lebih masa dan tumpuan untuk latihan menembak.

"Jadual latihan saya terlalu padat dari jam 9 pagi hingga 7 petang, jadi memang tidak sempat untuk memberi tumpuan kepada pelajaran. Jalan terbaik, saya terpaksa ambil satu subjek saja.

"Walaupun tidak meletakkan sasaran tinggi di Olimpik, saya tidak mengambil mudah penyertaan di Rio itu. Saya tidak mahu sekadar menjadi penumpang atau pelancong, sebaliknya akan memberikan yang terbaik.

"Saya ingin menimba sebanyak ilmu sepanjang menyertai sukan itu. Ia platform terbaik untuk mencabar kemampuan saya bersaing dengan jaguh Olimpik. Ini sangat penting sebagai persiapan untuk menghadapi Sukan Komanwel dua tahun lagi, kalau boleh biarlah kali ini saya bawa balik pingat.

"Ia juga bagus untuk saya mempersiapkan diri menghadapi Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur. Sebagai tuan rumah, sudah tentu pegawai dan rakyat mengharapkan pingat emas daripada saya dan atlet lain.

"Selepas itu pada 2018, kita akan menghadapi Sukan Asia pula. Ini tiga kejohanan utama yang menjadi fokus saya. Selepas itu tumpuan saya akan beralih kepada pelajaran kerana saya perlu menamatkan pengajian kerana ia penting untuk masa depan saya," ujarnya.

Begitupun, apa yang agak memeranjatkan apabila Jonathan menggambarkan kemungkinan tidak beraksi di Sukan Olimpik 2020 kelak. Ini kerana selepas menamatkan pengajian, dia akan memulakan kehidupan baru sebagai jurutera aero angkasa.

"Olimpik 2016 ini mungkin yang pertama dan terakhir. Saya tidak berani memandang terlalu jauh sehingga ke Olimpik 2020. Cuma, mengikut perancangan, saya mahu menumpukan perhatian kepada kerjaya selepas tamat belajar nanti.

"Begitupun segala-galanya berkemungkinan, siapa tahu mungkin saya berubah hati untuk ke Tokyo 2020," katanya.



JONATHAN (tengah) bersama rakan sepasukan di Kejohanan Menembak Asia Tenggara 2013.